

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

: DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]

TARIKH

: 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN

: Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

- (a) apakah dasar serta langkah-langkah Kementerian untuk mewujudkan ladang-ladang komersial bagi tanaman kontan seperti sayuran dan sebagainya agar rakyat tempatan dapat menikmati harga pasaran yang lebih rendah dari ketika ini, sekaligus dapat membantu kawalan kenaikan harga; dan
- (b) adakah Kementerian bersedia kembali kepada dasar terdahulu, di mana peladang-peladang dapat menikmati “extension service” seperti bajak, baja bersubsidi dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a)

Kerajaan telah mengambil langkah untuk mewujudkan ladang-ladang komersial bagi tanaman kontan dengan mewujudkan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Ladang Kontrak agar rakyat tempatan dapat menikmati harga pasaran yang lebih rendah dari ketika ini, sekaligus dapat membantu kawalan kenaikan harga.

(i) Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan

Dalam tempoh RMKe-10 (2011 – 2013), jumlah kluasan yang telah dibangunkan bagi TKPM secara keseluruhan ialah 9,129.83 hektar dengan bilangan projek sebanyak 68 TKPM melibatkan seramai 1,046 orang usahawan dan syarikat. Status kemajuan TKPM pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

Program TKPM	Tahun 2013		
	Sasaran	Pencapaian	Peratus (%)
Luas (Ha)	8,504.60	9,129.83	107.4
Bil. Projek	67	68*	101.5
Bil Peserta	1,000	1,046	104.6
Hasil (ribu mt)	82	66.7 (55 TKPM berhasil)	81.2
Nilai (RM juta)	90	91.7	101.9
Bil Peserta Berhasil	800	823	102.9
Pendapatan Bulanan Bersih			
> RM3,000	330	368	111.5
RM1,000 – 2,999	300	203	67.7
<RM1,000	200	252	126

(ii) Program Ladang Kontrak

Sehingga bulan Disember 2013, seramai 18,206 petani telah mendaftar dalam Program Ladang Kontrak dengan kluasan 32,885 hektar. Pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan bagi tahun 2006 hingga 2010 ialah 1.5 juta MT dengan anggaran nilai sebanyak RM2.6 bilion. Pengeluaran bagi tahun 2011 ialah 386,746 MT dengan nilai sebanyak RM694 juta, pengeluaran tahun 2012 ialah 312,940 MT dengan nilai sebanyak RM626 juta dan pengeluaran tahun 2013 ialah 338,084 MT dengan nilai sebanyak RM676 juta. Sasaran pada tahun 2014 adalah 4,500 petani dengan kluasan 7,000 hektar bagi mengeluarkan sayur-sayuran dan buah-buahan sebanyak 330 ribu MT bernilai RM660 juta.

(b)

Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) yang dilaksanakan pada tahun 2008 akibat daripada krisis makanan dunia pada waktu itu. Beberapa jenis insentif telah diberikan kepada petani, penternak dan nelayan bagi meningkatkan hasil pertanian seterusnya memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

Dasar ini telah ditamatkan pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, beberapa jenis insentif dan bantuan masih diteruskan untuk subsektor padi. Bantuan yang masih diteruskan antaranya adalah subsidi bagi perkhidmatan bajak dan pemberian baja di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (IPP) dan juga Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP). Jenis baja subsidi yang diperuntukkan dalam kedua-dua skim ini ialah Baja Urea, Baja Sebatian, Baja NPK Tambahan, Baja Organik, Baja Foliar dan Growth Enhancer. Selain daripada khidmat pembajakan dan baja bersubsidi ini, pesawah turut menikmati pemberian daripada Kerajaan dalam bentuk input pertanian lain seperti kapur dan racun dalam meningkatkan hasil pengeluaran padi negara dan seterusnya meningkatkan pendapatan petani.

NO SOALAN :150

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2014

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) kos menyewa dua unit Proton Perdana edisi khas berwajah baru untuk kegunaan YAB. Perdana Menteri dan YAB. Timbalan Perdana Menteri; dan

(b) kos sewaan untuk 200 unit pertama Proton Perdana baharu dan jumlah 3000 unit Proton Perdana yang dijangka diterima Kerajaan sehingga dua tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah membeli dua Proton Perdana Limo untuk kegunaan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri. Oleh Itu tiada kos penyewaan yang terlibat.

2. 200 unit pertama Kereta Proton Perdana Baharu adalah sebahagian daripada 3000 unit dalam Program penggantian Kereta Proton Perdana Kerajaan dan kos sewaan bersih untuk 200 unit pertama Proton Perdana ini ialah RM656,968.00. Kos sewaan bersih tidak termasuk penyenggaraan bagi Proton Perdana Baharu 2.4 Executive adalah RM3,284.84 sebulan dan Proton Perdana Baharu 2.0 Standard adalah RM2,892.32 sebulan.